

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 5/2015**

---

**KADAR CARUMAN PARIT YANG PERLU DIBAYAR KEPADA  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR UNTUK  
KELULUSAN PELUPUSAN SECARA PEMBERIMILIKAN TANAH DAN  
MENGUBAH SYARAT TANAH DI NEGERI SELANGOR**

---

**1. TUJUAN**

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD) mengenai Kadar Baru Caruman Parit Yang Perlu Dibayar Kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 20/2015 bertarikh 24 Jun 2015 yang telah disahkan oleh MMKN ke 21/2015 bertarikh 1 Julai 2015.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 MMKN yang bersidang pada 20 Mac 1996 telah meluluskan kenaikan sumbangan saliran Negeri Selangor bagi permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah dan mengubah syarat tanah bagi tujuan perumahan, perdagangan dan perundustrian daripada RM3,000.00 seekar kepada RM6,000.00 seekar bersamaan RM14,827.00 sehektar.

- 2.2 MMKN pada 19 Mac 2003 telah membuat keputusan mengenai keperluan mendapat ulasan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor bagi mengubah syarat tanah daripada pertanian kepada industri. Berikutan daripada keputusan tersebut, semua PTD dikehendaki mencatatkan ulasan Jabatan berkenaan ke dalam Kertas Ringkasan Permohonan Tukar Syarat Tanah yang akan dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).
- 2.3 MMKN ke 25/2008 pada 27 Ogos 2008 telah bersetuju supaya tiada lagi pengecualian caruman parit diberikan walaupun melibatkan tanah yang berkeluasan kurang daripada satu (1) ekar. Caruman parit akan dikenakan berdasarkan kadar semasa iaitu RM14,827.00 sehektar.
- 2.4 MMKN ke 32/2011 pada 5 Oktober 2011 yang disahkan oleh MMKN ke 33/2011 pada 12 Oktober 2011 telah menimbang dan meluluskan permohonan untuk mengenakan caruman parit bagi pelupusan secara pemberimilikan tanah pertanian dengan kadar RM1,000.00 seekar bagi menampung kos penyelenggaraan kawasan-kawasan pertanian.
- 2.5 MMKN ke 20/2015 bertarikh 24 Jun 2015 yang telah disahkan oleh MMKN ke 21/2015 bertarikh 1 Julai 2015 telah meluluskan kenaikan kadar bayaran caruman parit dari RM6,000.00 seekar kepada RM10,000.00 seekar bagi

permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah dan mengubah syarat tanah bagi tujuan perumahan, perniagaan dan perindustrian. Caruman parit bagi pemberimilikan tanah untuk tujuan pertanian dikekalkan pada kadar RM1,000.00 seekar. Manakala bagi pembangunan di atas Tanah Rizab Melayu (TRM) dinaikkan dari RM3,000.00 kepada RM5,000.00 seekar (50% daripada kadar tanah lain iaitu RM10,000.00 seekar). Kadar baru ini digunakan mulai 1 Julai 2015.

### **3. KAEDAH PELAKSANAAN**

#### **3.1 Pemakaian Pengenaan Caruman Parit**

3.1.1 Caruman parit akan dikenakan ke atas permohonan –permohonan berikut:

- i. Pelupusan secara pemberimilikan tanah Kerajaan untuk semua kategori tanah sama ada bangunan (kediaman/perniagaan) atau industri atau pertanian; dan
- ii. Mengubah kategori kegunaan tanah kepada bangunan atau industri dan syarat nyata tanah kepada kediaman/perniagaan atau semua jenis industri termasuk pembangunan di atas TRM.

3.1.2 Semua PTD dikehendaki mendapatkan ulasan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri

Selangor dan mencatat ulasan tersebut di dalam Kertas Ringkasan bagi permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah atau mengubah syarat tanah daripada pertanian kepada kediaman, perniagaan atau industri atau mana-mana permohonan yang di atasnya terdapat rizab sungai atau parit.

### 3.2 Kadar Caruman

3.2.1

Kategori	Kadar Caruman (RM)
<b>Bangunan (kediaman/perniagaan)</b>	<b>10,000.00 seekar</b>
<b>Industri (ringan/sederhana/berat)</b>	<b>10,000.00 seekar</b>
<b>Pertanian (kecuali untuk tujuan padi)</b>	<b>1,000.00 seekar</b>

3.2.2

Kadar ini akan dikenakan untuk semua keluasan tanah walaupun yang melibatkan keluasan kurang daripada satu (1) ekar berdasarkan keluasan sebenar yang diluluskan oleh PBN.

3.2.3

Bagi TRM, kadar yang dikenakan adalah setengah (1/2) daripada kadar yang dikenakan daripada jadual di atas.

### 3.3 Kaedah Pembayaran

- 3.3.1 Pemohon dikehendaki menjelaskan bayaran tersebut secara sekaligus dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 3.3.2 Bayaran hendaklah dijelaskan secara Bank Deraf atas nama Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri dan diserahkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor untuk mendapatkan resit bayaran.
- 3.3.3 Mana-mana tanah kategori pertanian yang akan dibangunkan untuk tujuan bangunan (kediaman/ perniagaan) atau industri akan dikenakan caruman parit (bagi permohonan mengubah syarat).
- 3.3.4 Mana-mana tanah pemberimilikan atau mengubah syarat tanah yang telah dikenakan bayaran caruman terdahulu, tidak akan dikenakan bayaran tersebut dengan syarat pemohon mengemukakan resit bayaran yang telah dijelaskan pada ketika itu. Sekiranya tiada bukti resit bayaran, maka caruman tersebut hendaklah dikenakan.

### 3.4 Syarat-syarat kelulusan oleh PTD

- 3.4.1 Jumlah caruman parit hendaklah dinyatakan bersekali di dalam surat kelulusan kepada pemilik tanah oleh PTD.
- 3.4.2 Bayaran caruman parit hendaklah dijelaskan oleh pemilik tanah sebelum hakmilik sambungan/baru didaftarkan.

### 4. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

- 4.1. Pekeliling ini hendaklah dipatuhi semua PTD dan berkuat kuasa pada 1hb Julai 2015.
- 4.2. Pekeliling PTG Bil. 2 Tahun 1996, Bil. 5 Tahun 2003 dan Bil. 10 Tahun 2011 dengan ini dibatalkan.



(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)

Pengarah Tanah dan Galian  
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 11-11-2015